SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM KEBOLEHPASARAN GRADUAN

A. PROGRAM

1. Apakah itu dana GE ?

Dana GE ialah dana yang di diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi kepada Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang merangkumi Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti.

2. Apakah itu program GE ?

Program yang dilaksanakan menggunakan dana GE yang terbahagi kepada dua iaitu Program Intervensi GE dan Program Pusat Kecemerlangan Industri (*Industry Centre of Excellence; ICoE)* untuk meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah untuk membantu pelajar-pelajar memperoleh pekerjaan yang relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor.

3. Siapakah yang layak memohon dana program GE ?

Bagi Program Intervensi GE, permohonan dana melalui Pegawai Fokal yang dilantik oleh Kementerian manakala bagi Program ICoE, permohonan dana melalui ketua-ketua kluster universiti peneraju yang telah dilantik.

4. Apakah kategori Program Intervensi GE ?

Program Intervensi GE terbahagi kepada lima kategori iaitu:

a) *Polishing Attitude/Values*
b) *Professional Certification*
c) *Skills – Based*
d) *Professional Conversion*
e) *Corridor Collaboration*

5. Apakah kluster ICoE ?

Program ICoE dilaksanakan di bawah kluster berikut:

a) Minyak dan Gas diterajui oleh Universiti Teknologi Malaysia;
b) Elektrik dan Elektronik diterajui oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Malaysia Pahang;
c) Pemborongan dan Peruncitan diterajui oleh Universiti Utara Malaysia;
d) Pembinaan diterajui oleh Universiti Malaysia Pahang;
e) Automotif diterajui oleh Universiti Malaysia Pahang;
f) Teknologi Maklumat dan Komunikasi diterajui oleh Universiti Malaysia Pahang;
g) Bioteknologi diterajui oleh Universiti Malaysia Pahang;
h) Penjagaan Kesihatan diterajui oleh Universiti Malaysia Perlis;
i) Hospitaliti dan Pelancongan diterajui oleh Universiti Utara Malaysia
j) Perkhidmatan Kewangan diterajui oleh Universiti Utara Malaysia; dan
k) Pertanian diterajui oleh Universiti Malaysia Sabah.

Nota : Sebarang maklumat lanjut berkenaan program dan dana ICoE perlu merujuk kepada Bahagian Hubungan Industri (BHI), Jabatan Pendidikan Tinggi.

B. PERMOHONAN

6. Bilakah permohonan Dana Program Intervensi GE dibuka kepada IPTA ?

Permohonan dibuka dua kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Mac.

7. Apakah kriteria program intervensi GE ?

Terdapat tujuh kriteria yang telah ditetapkan dalam penilaian permohonan program GE mengikut keutamaan iaitu:

a) Bukti jaminan graduan mendapat pekerjaan setelah menjalani program;
b) Pelajar tahun akhir / semester akhir sahaja;
c) Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) kurang / sama 3.30 ke bawah;
d) Bidang pengajian yang mempunyai peratusan GE yang rendah berdasarkan Laporan Sistem Kajian Pengesanan Graduan 1 (SKPG 1);
e) Sumbangan industri daripada segi perkongsian kos pelaksanaan program;

f) Bukti permintaan atau jaminan daripada industri; dan
g) Kandungan program perlu mengandungi *Generic Student Attribute* (GSA) dan *Graduate Employability Competencies* (GEC).

8. Apakah itu panduan perbelanjaan dana GE?

Panduan perbelanjaan dana GE yang dikeluarkan oleh Kementerian kepada Pegawai Fokal dan Pegawai Penyelaras di universiti / jabatan untuk dilaksanakan mengikut tatacara perbelanjaan yang ditetapkan oleh Kementerian dan peraturan kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. (Rujuk panduan perbelanjaan Program GE)

9. Bagaimanakah sesuatu program itu diluluskan?

Permohonan program daripada universiti/jabatan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana GE untuk disyorkan dan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian.

10. Apakah ciri-ciri surat jaminan pekerjaan daripada majikan?

Surat jaminan kerja merupakan surat rasmi daripada bakal majikan yang menyatakan dengan jelas jumlah pelajar yang akan diambil bekerja selepas tamat program, jawatan yang akan ditawarkan dan anggaran gaji.

11. Bagaimanakah cara untuk memohon dana program intervensi GE?

Pemohon perlu menggunakan Borang Permohonan Dana GE yang dikeluarkan oleh Kementerian dan permohonan lengkap bersama dokumen tambahan yang diperlukan dihantar melalui Pegawai Fokal. Syarat umum dan tatacara permohonan boleh diakses melalui pautan www.mohe.gov.my/programge.

12. Apakah itu Borang Akuan Setuju Terima ?

Borang Akuan Setuju Terima ialah borang persetujuan yang mengandungi maklumat program yang diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana

GE. Borang ini dikeluarkan oleh Kementerian kepada Pegawai Fokal dan Ketua Penyelaras Program dan perlu dikemukakan semula kepada Kementerian dalam tempoh 14 hari bekerja untuk tujuan penyaluran dana.

C. SASARAN PELAJAR

13. Siapakah yang layak untuk menyertai program GE ?

a) Pelajar yang berada di tahun atau semester akhir pengajian dan memperoleh PNGK 3.30 dan ke bawah; atau

b) Pelajar yang telah tamat pengajian, berstatus belum bekerja dan belum menghadiri konvokesyen dengan syarat memperoleh PNGK 3.30 dan ke bawah; dan

c) Pelajar yang mengikuti bidang pengajian yang mempunyai peratusan GE yang rendah berdasarkan Laporan Sistem Kajian Pengesanan Graduan 1 (SKPG 1).

14. Adakah program ini merupakan salah satu program Latihan Industri?

Program ini bukan merupakan Latihan Industri yang diwajibkan kepada pelajar oleh IPTA tetapi merupakan satu program pilihan yang boleh diikuti oleh pelajar bagi meningkatkan nilai tambah dan kemahiran selaras dengan kehendak industri

D. PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB

15. Siapakah urus setia Pengurusan dana GE?

Urus setia Pengurusan Dana GE adalah Unit Operasi Strategik, Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar, KPT

16. Siapakah pegawai fokal ?

Pegawai yang dilantik oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi bagi tempoh setahun di UA/jabatan yang tertakluk kepada tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan dalam surat pelantikan.

17. Siapakah penyelaras program?

Penyelaras program adalah pegawai yang dilantik oleh Pegawai Fokal bagi program GE yang telah diluluskan oleh Kementerian dan tertakluk kepada tugas serta tanggungjawab yang telah ditetapkan dalam surat pelantikan.

E. PELAKSANAAN PROGRAM

18. Bilakah pelaksanaan program intervensi GE boleh dilaksanakan setelah diluluskan ?

Program GE yang telah diluluskan boleh dilaksanakan dalam tempoh setahun mulai daripada tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana GE meluluskan program.

19. Bolehkah program dilaksanakan sebelum dana disalurkan?

Boleh, setelah mendapat maklumat kelulusan secara bertulis daripada Kementerian.

20. Bolehkah program dilaksanakan oleh anak syarikat Universiti Awam?

Boleh sekiranya anak syarikat UA adalah penyedia latihan yang dilantik dan tertakluk peraturan kewangan sedia ada

F. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

21. Apakah kaedah pemantauan Program Intervensi GE?

Pemantauan program GE terbahagi kepada tiga kaedah utama :

a) **Pelaporan bertulis** diadakan empat kali setahun iaitu pada Mac, Jun, September dan Disember atau sekurang-kurangnya tiga bulan selepas penyaluran dana (mana terkemudian).

b) **Lawatan kerja** diadakan semasa program sedang dijalankan di lokasi-lokasi terpilih.

c) **Audit** dijalankan setelah program selesai untuk memastikan program yang dilaksanakan selaras dengan kelulusan asal dan mematuhi peraturan kewangan sedia ada yang berkuat kuasa.

22. Pemantauan ini dilaporkan kepada siapa?

Laporan pemantauan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk Pengurusan dana GE.

G. PERUBAHAN MAKLUMAT PROGRAM DILULUSKAN

23. Apa yang perlu dilakukan sekiranya program yang dijalankan telah selesai dan mencapai sasaran pelajar yang dikehendaki, namun terdapat baki dana bagi program tersebut?

a) Menggunakan baki dana bagi pelaksanaan program baru perlu mendapat kelulusan Kementerian terlebih dahulu sebelum dilaksanakan;

b) Menggunakan baki dana bagi menjalankan sedia, boleh dilaksanakan tanpa mendapat kelulusan kementerian sekiranya menambah baik program sedia ada;

c) Perubahan-perubahan lain yang dipohon akan dikendalikan secara *case to case basis :*

JENIS PERMOHONAN	TINDAKAN
(a) Perubahan perincian program yang berbeza daripada kelulusan / kertas kerja asal :	
(i) Perincian program bercanggah dengan Surat Setuju Terima (SST)	Perlu mengemukakan perubahan perincian dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Dana GE sebelum dilaksanakan
(ii) Perubahan maklumat dalam kertas kerja	Boleh dilaksanakan tanpa kelulusan kementerian selagi tidak bercanggah dengan SST. Contoh : bidang pengajian pelajar; modul program;tarikh pelaksanaan
(iii) Pertambahan maklumat selain yang terkandung dalam kertas kerja atau SST	Boleh dilaksanakan tanpa kelulusan kementerian selagi tidak bercanggah dengan SST dan menambah baik program sedia ada
(b) Baki dana setelah program selesai :	
(i) Tidak mencapai jumlah sasaran pelajar/ menambah jumlah sasaran pelajar	Jika meneruskan program sedia ada dan menggunakan peruntukan sedia ada boleh dilaksanakan tanpa kelulusan kementerian selagi tidak memerlukan peruntukan tambahan kecuali program yang diluluskan mulai tahun 2014
(ii) Baki dana kerana penjimatan	Jika permohonan untuk melaksanakan program baharu, permohonan tertakluk kepada kriteria semasa dan panduan perbelanjaan dana tahun 2015

24. Bolehkah dana GE dipindahkan kepada anak syarikat milik universiti?

Dana GE tidak boleh dipindahkan kepada anak syarikat milik UA setelah dana disalurkan kepada UA. Pembayaran kepada anak syarikat milik UA hanya dibenarkan sekiranya ia adalah penyedia perkhidmatan dan tuntutan pembayaran boleh dibuat setelah menjalankan program.

25. Adakah pengurusan dana GE tertakluk kepada tatacara kewangan dan perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa walaupun telah diluluskan oleh KPT?

Ya. Pengurusan dana GE tertakluk kepada tatacara kewangan dan perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa walaupun telah diluluskan oleh KPT.